

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Dana asing kembali ke pasaran tempatan

Dana asing kembali ke pasaran tempatan

Dana asing kembali ke pasaran ekuiti tempatan dengan belian bersih bernilai RM195.3 juta minggu lalu berbanding jualan bersih RM512.3 juta seminggu sebelumnya, kata MIDF Research.

Sebelum itu, menurut Laporan Aliran Dana firma penyelidikan itu untuk minggu dagangan berakhir 17 Februari, pelabur asing menjual bersih selama lima minggu berturut-turut dengan aliran keluar bersih berjumlah sehingga RM860.9 juta.

"Pelabur asing mencatatkan belian bersih pada setiap hari dagangan minggu lalu kecuali pada Jumaat yang menyaksikan aliran keluar RM25.9 juta dan setakat tahun ini, pelabur asing menjual bersih RM593.3 juta," katanya.

Ia berkata jumlah aliran masuk bersih tertinggi pada Rabu adalah sebanyak RM103.2 juta,



Pelabur asing catat belian bersih bernilai RM195.3 juta minggu lalu.

(Foto hiasan)

manakala Khamis menyaksikan jumlah aliran kedua tertinggi dengan merekodkan belian bersih RM74.4 juta.

"Sektor yang mencatatkan aliran masuk asing bersih minggu lalu ialah penjagaan kesihatan RM56.5 juta, pembinaan RM41.6 juta dan perkhidmatan

keuangan RM40.2 juta.

"Sementara itu, sektor yang mempamerkan aliran keluar bersih asing ialah perladangan (RM18.8 juta), utiliti (RM12.4 juta) dan hartanah sebanyak RM6.4 juta," katanya.

Sementara itu, MIDF Research berkata institusi tempatan

menjual bersih ekuiti Malaysia bernilai RM140.2 juta selepas belian bersih lima minggu berturut-turut dengan Selasa mencatat aliran masuk bersih RM16.2 juta, manakala minggu sebelumnya mencatatkan aliran keluar.

"Aliran keluar paling tinggi dilihat pada Rabu merekodkan

RM53.2 juta dan institusi tempatan pula membeli bersih RM819.8 juta tahun setakat tahun ini," katanya.

Firma penyelidikan itu menambah peruncit tempatan adalah penjual bersih minggu lalu dengan merekodkan sejumlah RM55.1 juta, perubahan mendadak berbanding RM263.8 juta bersih yang dibeli pada minggu berakhir 10 Februari.

"Hanya Isnin dan Jumaat menyaksikan aliran masuk bersih, masing-masing pada RM7.0 juta dan RM40.1 juta, manakala peruncit tempatan adalah penjual bersih pada RM226.6 juta setakat tahun ini," katanya.

Dari segi penyertaan, ia berkata terdapat penurunan dalam purata volum dagangan harian dalam kalangan peruncit tempatan (-14.9 peratus), institusi tempatan (-16.0 peratus) dan pelabur asing (-12.3 peratus).

BERNAMA